MOHD NOOR DIN MOHD SAID & SATU LAGI *a*

lwn.

SHARIFAH RIPIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA *b*
AHMAD MAAROP PK
[GUAMAN SIVIL NO: 12-20-1999]
15 OGOS 2000

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan - Rekod rayuan - Perintah termeterai - Rekod rayuan tidak mengandungi perintah termeterai - Sama ada tidak teratur - Sama ada harus dibatalkan - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 89 kk. 3A(1)(d), 3A(3)* *c*

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan - Rekod rayuan - Rekod rayuan tidak mengandungi perintah termeterai - Lanjutan masa - Untuk memfail rekod rayuan tambahan yang mengandungi perintah termeterai - Sama ada difailkan 'sebaik sahaja' perintah termeterai diterima dari mahkamah rendah - Kelengahan - Sama ada wujud alasan munasabah - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 29 k. 10(4), A. 49 kk. 3A(1), 3A(3)* *d*

Responden mengambil tindakan terhadap perayu akibat kecederaan yang dialami ekoran satu kemalangan jalanraya. Pada 16 April 1999 Mahkamah Sesyen membuat award gantirugi dan memutuskan bahawa perayu dan responden masing-masing bertanggungan 50% atas kemalangan tersebut. Perayu merayu terhadap liabiliti dan kuantum, dan pada 13 Disember 1999 memfailkan rekod rayuannya. Pada waktu material perayu belum memperoleh perintah termeterai dari Mahkamah Sesyen, dan oleh yang demikian, rekod rayuan perayu tidak mengandungi perintah tersebut seperti yang dikehendakki A. 49 k. 3A Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR'). *e* *f*

Pada 14 April 2000, tanpa kebenaran mahkamah, perayu memfailkan rekod rayuan tambahan yang mengandungi perintah termeterai Mahkamah Sesyen yang berkenaan. Berikutnya, pada 17 April 2000, perayu memohon lanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan tambahan bertujuan memasukkan perintah termeterai tersebut, serta perintah bahawa rekod rayuan tambahan yang difailkan pada 14 April 2000 itu diterima sebagai teratur. *g*

Tidak dinafikan bahawa mengikut Arahan Amalan No. 2 Tahun 1998 ('Arahan Amalan'), perayu boleh memfailkan salinan perintah termeterai sebagai rekod rayuan tambahan tanpa kebenaran jika pemfailan tersebut dibuat 'sebaik sahaja' perintah termeterai diterima dari mahkamah yang dirayu. Walau bagaimanapun, dalam kes semasa, tiada keterangan dikemukakan oleh perayu tentang bilakah perintah termeterai diperolehi olehnya dari Mahkamah Sesyen. *h* *i*

Di hadapan yang arif pesuruhjaya kehakiman, responden berhujah bahawa rekod rayuan perayu tidak lengkap dan tidak teratur dan kerana itu perlu ditolak. Persoalan penting yang timbul ialah: (i) sama ada rekod rayuan asal perayu tidak teratur dan harus ditolak; (ii) sama ada pemfailan rekod rayuan tambahan tanpa kebenaran mahkamah, dalam halkeadaan yang wujud, memenuhi kehendak arahan amalan, dan jika tidak, sama ada wujud alasan yang mencukupi bagi kelengahan perayu mendapatkan perintah termeterai.

Diputuskan:

[1] Rekod rayuan yang difailkan perayu pada 13 Disember 1999 tidak mengandungi salinan termeterai penghakiman dan ia jelas tidak mematuhi kehendak A. 49 k. 3A (1) KMR. (ms 451 h-i)

[2] Arahan Amalan tidak memberi kebenaran kepada perayu untuk memfailkan rekod rayuan tambahan pada bila-bila masa yang disukai. Perayu mesti membuktikan bahawa rekod rayuan tambahan yang difailkan itu difailkan 'sebaik sahaja' perintah termeterai diterima dari Mahkamah Sesyen. Dalam ertikata lain, apa-apa rekod rayuan tambahan yang hendak difailkan menurut Arahan Amalan hendaklah difailkan dalam masa yang ditetapkan. Jika tidak, kebenaran mahkamah hendaklah diperolehi terlebih dahulu. (ms 453 e-g)

[3] Perayu gagal mengemukakan apa-apa bagi menunjukkan bilakah penghakiman termeterai diterima dari mahkamah rendah. Tanpa bukti yang menunjukkan bilakah penghakiman termeterai diterima oleh perayu, mahkamah tidak dapat menyatakan bahawa perayu telah memfailkan rekod rayuan tambahan 'sebaik sahaja' (atau dalam masa yang munasabah selepas) ia menerima penghakiman termeterai tersebut dari mahkamah rendah. (ms 453 i & 454 h)

[3a] Perayu gagal membuktikan bahawa dia telah memfailkan rekod rayuan dalam masa yang ditetapkan. Ini bererti bahawa pemfailan rekod rayuan tambahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran mahkamah.
(ms 455 e)

[4] Untuk berjaya dalam permohonan perlanjutan masa bagi memfailkan rekod rayuan tambahan, perayu hendaklah membuktikan alasan yang mencukupi untuk menjelaskan mengapa terdapat kelewatan untuk memfailkan salinan penghakiman termeterai dan dokumen-dokumen lain yang dipohon ke dalam rekod rayuan tambahan.
(ms 455 f)

[5] Tiada bukti dikemukakan oleh perayu untuk menjelaskan apa tindakan yang beliau ambil selama tujuh bulan selepas penghakiman diberi oleh Mahkamah Sesyen pada 16 April 1999. Juga tiada bukti untuk menerangkan apa tindakan yang diambil selepas deraf perintah dikemukakan kepada pendaftar untuk kelulusan pada 30 Disember 1999. (ms 455 c-d)

[5a] Jikapun benar responden yang patut menyediakan deraf perintah, ini tidak bererti perayu harus berdiam diri. Mengikut A. 29 k. 10(4) KMR, jika responden gagal menyediakan deraf perintah dalam masa tujuh hari selepas perintah tersebut dibuat, perayu sebagai pihak yang terlibat bukan sahaja boleh, malah mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan deraf tersebut. Jika perayu gagal berbuat demikian, dan kegagalan itu menyebabkan rekod rayuan yang tidak lengkap seperti yang dikehendaki oleh undang-undang telah difailkan, perayu terpaksa menanggung padahnya. (ms 457 g-i)

[6] Persoalan penting tentang bilakah Pendaftar Mahkamah Sesyen meluluskan dan memeterai perintah termeterai dan bila pula diterima oleh perayu tidak dijawab. Oleh itu, perayu telah gagal untuk mengemukakan alasan yang mencukupi untuk menjelaskan kelewatannya. (ms 459 e)

[7] Tanpa penghakiman termeterai, rekod rayuan yang difailkan perayu tidak lengkap dan teratur. Dengan yang demikian, tidak terdapat rekod rayuan yang sewajarnya di hadapan mahkamah dalam kes ini. (ms 460 h-i)

[Rekod rayuan dan rekod rayuan tambahan ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Alor Janggus Soon Seng Trading Sdn Bhd & Ors v. Sey Hoe Sdn Bhd & Ors [2000] 2 CLJ 473 ***(diikuti)***

Capital Insurance Bhd v. Kasim Mohd Ali [2000] 1 CLJ 269 ***(diikuti)***

Costellow v. Somerset Country Council [1993] 1 All ER 952 ***(diikuti)***

Hj Abdul Ghani Kesah v. Tuan Ahmad Tuan Man [1990] 3 MLJ 45 ***(dirujuk)***

Hj Mohamed Suboh v. Devadas [1981] 1 MLJ 136 ***(dirujuk)***

In Re Harker Goodbarne v. Fothergill [1879] 10 Ch D 613 ***(dirujuk)***

Lee Guat Eng v. Tan Lion Kim [1985] 2 MLJ 196 ***(dirujuk)***

Punca Klasik Sdn Bhd v. Seok Kim Leow [1996] 4 CLJ 399 ***(dirujuk)***

Ratnam v. Cumarasamy & Anor [1965] 1 MLJ 228 ***(dirujuk)***

S Ravi Suppiah v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [1995] 2 CLJ 152 ***(dirujuk)***

Syarikat Telekom Malaysia Bhd v. Business Chinese Directory Sdn Bhd [1994] 2 CLJ 729 ***(dirujuk)***

Teoh Soon Kok t/a TSK Supplies Trading v. MBf Finance Bhd [1996] 2 CLJ 130 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the Court of Appeal 1994, O. 18 r. (4)(d)
Subordinate Courts Rules 1980, O. 29 r. 10(4), O. 49 rr. 3(3A), 3A(1)(d), (3), 6(3)(d)

Bagi pihak plaintif/responden - Raghbir Singh Gill (Jaspal Singh Gill); M/s Raghbir Singh Norizan & Co
Bagi pihak defendan/perayu - Lai Kuan Jean; M/s Taye & Co

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Ahmad Maarop PK:

Latar Belakang Kes

Responden (plaintif) telah mengambil tindakan sivil terhadap perayu (defendan pertama dan kedua) melalui Guaman Sibil 53-327-96 di Mahkamah Sesyen Melaka. Tindakan tersebut telah diambil oleh responden berikutan dengan kecederaan yang dialaminya pada 14 Disember 1995 yang didakwa oleh responden telah disebabkan oleh kecuaian perayu pertama selaku pengkhidmat dan/atau ejen perayu kedua. Pada tarikh tersebut responden adalah seorang penumpang dalam bas No JBJ 8866 yang dipandu oleh perayu pertama. Dalam perjalanan satu kemalangan dikatakan telah berlaku apabila bas tersebut mengambil selekoh dan membrek menyebabkan responden tercampak keluar dari bas tersebut dan jatuh keatas jalan. Pada 16 April 1999 selepas perbicaraan Mahkamah Sesyen telah membuat keputusan bahawa perayu dan responden masing-masingnya bertanggungan 50% ke atas kemalangan tersebut. Mahkamah Sesyen telah membuat award bagi ganti rugi am sebanyak RM254,000. Mahkamah juga telah membuat award untuk ganti rugi khas, kos dan faedah.

Pada 19 April 1999 perayu telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen tersebut. Rayuan perayu adalah terhadap liabiliti dan kuantum yang telah diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

Perayu telah memfailkan rekod rayuan pada 13 Disember 1999. Pada 6 November 1999 responden telah memfailkan rayuan balas. Pada 14 April 2000 responden telah menulis surat kepada perayu menyatakan hasrat mereka hendak membuat bantahan awal apabila rayuan dalam kes ini didengar kerana responden mendakwa bahawa rekod rayuan perayu adalah tidak teratur dan tidak lengkap.

Pada 17 April 2000 perayu memfailkan satu notis usul untuk memohon lanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan tambahan (kandungan 13). Permohonan ini disokong oleh affidavit peguam perayu En Gan Seong Kim yang telah diikrarkan pada 14 April 2000 (kandungan 14). Responden telah

memfailkan afidavit balasan yang telah diikrarkan oleh En Raghbir Singh pada 27 April 2000 (Kandungan 17). Pada 26 April 2000 responden telah memfailkan notis usul (Kandungan 18) ke mahkamah ini antara lainnya memohon untuk menolak rekod rayuan perayu atas alasan ianya tidak lengkap dan tidak teratur. Responden juga memohon supaya rayuan perayu dibatalkan. Permohonan ini disokong oleh afidavit oleh En Ragbir Singh yang telah diikrarkan pada 26 Januari 2000 (Kandungan 19). Perayu menjawab dengan memfailkan afidavit yang diikrarkan pada 12 Mei 2000 oleh En Gan Seong Kim (Kandungan 23).

Di awal perbicaraan dalam kes ini peguam bagi responden meminta mahkamah mendengar dan memutuskan permohonan dalam notis usul di (kandungan 18) terlebih dahulu kerana menurutnya jika permohonan tersebut dibenarkan permohonan perayu dalam notis usul (kandungan 13) tidak lagi menjadi isu. Peguam perayu pula memohon supaya notis usul perayu (kandungan 13) didengar dahulu. Menurutnya jika permohonan perayu dibenarkan, tidak timbul soal mendengar permohonan responden dalam notis usul (kandungan 18).

Dalam *Costellow v. Somerset Country Council* [1993] 1 All ER 952 Sir Thomas Bingham MR dalam penghakimannya (ms. 959) menyatakan:

> The resolution of problems such as the present cannot in my view be governed by a single universally applicable rule of thumb. A rigid, mechanistic approach is inappropriate. Where, as here, the defendant seeks to dismiss and the plaintiff seeks an extension of time, there can be no general rule that the plaintiffs application should be heard first, with dismissal of his action as an inevitable consequence if he fails to show a good reason for his procedured default. In the great mass of cases, it is appropriate for the court to hear both summonses together, since, in considering what justice requires, the court is concerned to do justice to both parties, the plaintiff as well as the defendants and the case is best viewed in the round.

Dengan menggunakan pendekatan yang dinyatakan dalam kes yang tersebut saya telah memutuskan untuk mendengar notis usul perayu (kandungan 13) dan notis usul responden (kandungan 18) bersekali pada 21 Jun 2000 bermula dengan notis usul perayu (kandungan 13).

Notis Usul Perayu (Kandungan 13)

Aturan 49 k. 3A Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 memperuntukkan bahawa:

> (1) Apabila perayu yang diwakili oleh peguamcara telah mematuhi kehendak-kehendak kaedah 2 Aturan ini, perayu hendaklah menyediakan bilangan salinan-salinan yang dikehendaki bagi rekod rayuan dan rekod itu hendaklah mengandungi salinan-salinan:
>
> (a) pliding-pliding yang relevan;

(b) nota-nota keterangan;

(c) alasan-alasan penghakiman, dengan syarat bahawa ketiadaan alasan penghakiman tidaklah menghalang perayu daripada meneruskan rayuannya;

(d) keputusan itu;

(e) notis rayuan;

(f) segala ekshibit dokumentar dan dokumen-dokumen lain yang pihak-pihak itu berpendapat adalah relevan bagi maksud-maksud rayuan itu.

(2) Jika perayu berpendapat bahawa mana-mana ekshibit dokumentar yang digunakan tidak perlu dimasukkan ke dalam rekod maka dia hendaklah mendapatkan persetujuan secara bertulis daripada semua pihak dalam rayuan itu supaya ditinggalkan dokumen itu daripada rekod. Persetujuan bertulis itu hendaklah dimasukkan ke dalam rekod rayuan.

(3) Dua salinan rekod rayuan itu hendaklah difailkan di Mahkamah Tinggi dalam masa enam minggu selepas penerimaan pemberitahuan daripada mahkamah yang terhadapnya rayuan dibuat, yang menyatakan bahawa salinan-salinan terperaku bagi nota-nota keterangan dan alasan-alasan penghakiman sudahpun siap.

(4) perayu hendaklah dalam masa yang dihadkan bagi memfailkan rekod itu menyampaikan suatu salinanya kepada setiap pihak yang telah disampaikan dengan notis rayuan itu.

Berdasarkan kepada peruntukan dibawah A 49 k. 3A(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 adalah jelas bahawa seseorang perayu hendaklah menyediakan bilangan salinan rekod rayuan yang diperlukan. Aturan 49 k. 3A(3) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 pula mengkehendaki perayu memfailkan dua salinan rekod rayuan di Mahkamah Tinggi dalam masa enam minggu dari tarikh penerimaan pemberitahuan dari Mahkamah Rendah bahawa salinan sah nota-nota keterangan dan alasan-alasan penghakiman telah siap.

Menurut A 49 k. 3A(1)(d), Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, rekod rayuan hendaklah mengandungi "keputusan itu".

Sehubungan ini bagi tujuan A. 49 k. 6(3)(d) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dalam kes *Teoh Soon Kok t/a TSK Supplies Trading v. MBf Finance Bhd* [1996] 2 CLJ 130, telah memutuskan bahawa "keputusan" bermakna penghakiman mahkamah yang sudah termeterai. Keputusan dalam kes *Teoh Soon Kok* telah dipersetujui oleh Mahkamah Rayuan dalam penghakimannya dalam kes *Capital Insurance Bhd v. Kasim b Mohd Ali* [2000] 1 CLJ 269. Dalam kes tersebut (di ms. 277) Mokhtar Sidin HMR ketika menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan telah menyatakan bahawa:

We agree with what had been said by Mohd Hishamudin Mohd Yunus J in the case of *Teoh Soon Kok t/a TSK Supplies Trading v. MBf Finance Bhd* [1996] 2 CLJ 130 at p. 133:

> Finally, there is one related issue: what does the word "copies" in Order 49 r. 6(3) mean in relation to 'decision' in paragraph (d) of subrule (3)? Does it mean mere photostate copies of the decision? In the present case I observe that what had been enclosed in the appeal record are mere photostate copies of the draft judgment. Now, Order 29 r. 11 provides for the issuance of a duplicate of a judgment to any party to a proceeding for the issuance of a duplicate of a judgment to any party to a proceeding who applies for it upon payment of the prescribed fee, and O. 52 r. 4(1)(b) provides for the issuance of a certified copy of a judgment to any person who applies for it upon payment of the prescribed fee. In my view, "copies" in relation to decisions does not refer to mere photostat copies of the decision: it refers to either duplicates of the decision obtained pursuant to O. 29 r 11 or, alternatively certified copies of the decision obtained pursuant to O. 52 r 4(i)(b). Uncertified photostate copies are not 'copies' for the purpose of subrule 3(d) ... .

Dalam kes *Alor Janggus Soon Seng Trading Sdn Bhd & 5 Ors v. Sey Hoe Sdn Bhd & 2 Ors* [2000] 2 CLJ 473 Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa perintah yang dirayu yang akan dimasukkan ke dalam rekod rayuan dibawah A. 18 k. (4)(d) Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan hendaklah merupakan satu salinan yang dimeterai dan bukan salinan deraf. Menurut Mahkamah Rayuan (di ms 478):

> The then Supreme Court in *Hasil Bumi Perumahan Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corp Bhd* [1994] 1 CLJ 329 in construing a fair copy of the judgment and a draft judgment held that the fair copy of the judgment should be presented for entry in compliance with all the requirements of the Rules of the High Court 1980 ("RHC"). A draft judgment is not a judgment since a draft implies that it needs perfection and approval. No doubt in *Hasil Bumi*, it was a claim under Order 19 r. 3 of the RHC, but nonetheless, we would respectfully take the same approach in construing the word "order" in Order 18 r. 4(d) of the RCA. In other words, the order to be included in the appeal record must be a sealed order and not a draft order.

Rekod rayuan yang telah difailkan oleh perayu dalam kes ini pada 13 Disember 1999 (kandungan 9) tidak mengandungi salinan termeterai penghakiman Mahkamah Sesyen Melaka yang dibuat pada 16 April 1999. Ini bererti rekod rayuan tersebut tidak mengandungi keputusan mahkamah seperti yang diperuntukkan di bawah A. 49 k. 3A(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan seperti yang diputuskan dalam kes-kes yang tersebut di atas. Seperti yang telah dinyatakan di awal penghakiman ini, perayu telah pada 14 April 2000 tanpa kebenaran mahkamah memfailkan rekod rayuan tambahan yang

mengandungi salinan termeterai perintah Mahkamah Sesyen. Melalui notis usul dalam kandungan 13 perayu pemohon supaya:

(i) Perayu diberi lanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan tambahan;

(ii) Rekod rayuan tambahan yang telah difailkan di mahkamah diterima sebagai teratur;

(iii) Lain-lain perintah yang didapati sesuai oleh mahkamah.

Mengenai soal pemfailan rekod rayuan tambahan oleh perayu pada 14 April 2000 tanpa mendapatkan kebenaran mahkamah terlebih dahulu, saya telah merujuk dan mempertimbangkan peruntukan-peruntukan dalam Arahan Amalan No 2 tahun 1998 bertarikh 13 Jun 1998 yang telah dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya. Perenggan (3) Arahan tersebut menyatakan bahawa:

> ... untuk menyegerakan prosiding rayuan di Mahkamah Tinggi, Y.A.A. Hakim Besar Malaya telah mengarahkan supaya bagi rekod-rekod rayuan yang masih belum disertakan dengan salinan penghakiman, dekri atau perintah, pihak perayu bolehlah **sebaik sahaja** menerima penghakiman dekri atau perintah termeterai dari Mahkamah Rendah memfailkannya sebagai rekod rayuan tambahan tanpa memfailkan sebarang permohonan.

Adalah jelas daripada perenggan (3) Arahan Amalan tersebut bahawa bagi rekod-rekod rayuan yang masih belum disertakan dengan salinan penghakiman, dekri atau perintah, pihak perayu boleh memfailkan penghakiman, dekri atau perintah termeterai sebagai rekod rayuan tambahan tanpa sebarang permohonan, **sebaik sahaja** pihak perayu menerima penghakiman, dekri atau perintah termeterai tersebut dari Mahkamah Rendah.

Perbahasaan yang serupa juga telah digunakan dalam Arahan Amalan No 1/92 Mahkamah Agong. Bahagian yang berkenaan dalam arahan tersebut menyatakan:

> Untuk menyegerakan prosiding rayuan di Mahkamah Agung, **sebaik sahaja perayu menerima perintah termeterai dari Mahkamah Tinggi**, perintah tersebut bolehlah difailkan sebagai rekod rayuan tambahan tanpa sebarang permohonan.

Kesan peruntukan tersebut ke atas tanggungjawab seseorang perayu untuk memfailkan perintah termeterai sebagai rekod rayuan tambahan telah dihuraikan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Capital Insurance Bhd v. Kasim b Mohd Ali* [2000] 1 CLJ 269. Dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan, Mokhtar Sidin HMR telah menegaskan (di ms. 276-277) bahawa:

> It is clear to us that the Practice Direction allowed an appellant to file without leave a sealed copy of the order not received with the notes of evidence and the judgment in a separate bundle which is called the supplementary appeal

record when the order was not received in time and it must be done as soon as the appellant received the sealed copy of that order. Nowhere it is stated in the Practice Direction that if it is not done in time (reasonable time after receiving the sealed copy of the order) that it could be filed without leave of the court. The onus is on the appellant that the supplementary appeal record was filed soon after it received the sealed copy of the order. Rule 18(7) makes it clear that all filing of documents must be done within the stipulated time. It is imperative to us that an appellant is not allowed to file the supplementary appeal record at any time he likes just because of the Practice Direction. In our view, whatever supplementary appeal record to be filed pursuant to that Practice Direction, it must be done within the stipulated time otherwise leave of the court must be obtained. In this appeal the appellant has not satisfied us that the supplementary appeal record was filed in time. In our opinion the failure on the part of the appellant to apply for leave to file out of time is fatal.

Pada hemat saya kedudukan dalam kes di hadapan saya ini juga adalah serupa. Prinsip mengenai pemakaian arahan amalan seperti yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes yang tersebut di alas adalah terpakai dalam kes di hadapan saya. Menggunakan prinsip dalam kes *Capital Insurance* sebagai otoriti saya memutuskan bahawa seperti dalam Arahan Amalan No 1/92 Mahkamah Agung yang dirujuk dalam kes *Capital Insurance*, Arahan Amalan No 2 Tahun is 1998 juga tidak menyatakan bahawa jika pemfailan perintah termeterai tidak dibuat dalam masa yang ditetapkan, pemfailan perintah termeterai tersebut sebagai rekod rayuan tambahan boleh dibuat tanpa kebenaran mahkamah. Beban adalah atas perayu kes ini untuk membuktikan bahawa rekod rayuan tambahan yang difailkan dalam kes ini telah difailkan sebaik sahaja perintah termeterai diterima daripada Mahkamah Rendah. Perayu tidak boleh dibenarkan untuk memfailkan rekod rayuan tambahan pada bila-bila masa yang disukainya, hanya kerana adanya Arahan Amalan No 2 Tahun 1998. Apa-apa rekod rayuan tambahan yang hendak difailkan menurut Arahan Amalan tersebut hendaklah difailkan dalam masa yang ditetapkan. Jika tidak kebenaran mahkamah hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Jadi dalam kes ini soal penting yang perlu diputuskan ialah sama ada perayu telah membuktikan bahawa dia telah memfailkan rekod rayuan tambahan sebaik sahaja dia menerima perintah termeterai? Jika perayu telah memfailkan salinan perintah termeterai sebaik sahaja dia menerima perintah tersebut dari Mahkamah Rendah, dia boleh memfailkan salinan perintah termeterai tersebut sebagai rekod rayuan tambahan tanpa kebenaran mahkamah. Jika tidak, mengguna pakai prinsip dalam kes *Capital Insurance* perayu perlu mendapatkan kebenaran mahkamah untuk memfailkan rekod rayuan tambahan. Saya telah meneliti afidavit-afidavit yang difailkan bagi pihak perayu. Saya tidak mendapati apa-apa yang menunjukkan bila perintah termeterai itu diterima oleh perayu daripada Mahkamah Rendah. Malah daripada afidavit-afidavit yang difailkan oleh responden dalam kes ini juga tiada terdapat apa-apa yang menunjukkan

bila perintah termeterai diterima oleh perayu dari Mahkamah Rendah. Dalam afidavit yang diikrarkan oleh En Gan Seong Kim pada 14 April 2000 ada dinyatakan bahawa setelah dibekalkan dengan nota keterangan serta alasan penghakiman oleh Pendaftar Mahkamah Sesyen firma En Gan Seong Kim telah memfailkan memorandum rayuan pada 10 November 1999. Afidavit ini tidak menyatakan bila nota keterangan, dan alasan penghakiman dibekalkan oleh Mahkamah Sesyen. Menurut afidavit tersebut rekod rayuan difailkan pada 13 Disember 1999. Afidavit tersebut juga menyatakan bahawa firma peguam perayu telah memfailkan rekod rayuan tambahan pada 13 April 2000. Tetapi bila perintah termeterai diterima daripada Mahkamah Rendah telah tidak dinyatakan. Menurut afidavit balasan yang difailkan oleh peguam bagi pihak responden yang diikrarkan pada 27 April 2000 (kandungan 17) ada dinyatakan bahawa sesalinan deraf penghakiman telah diberi kepada mereka untuk kelulusan pada 23 November 1999. Afidavit tersebut menyatakan bahawa kesemua pihak telah hadir dihadapan Pendaftar Mahkamah Sesyen pada 17 Disember 1999 untuk menyelesaikan deraf tersebut kerana terdapat beberapa pindaan terhadap deraf penghakiman. Menurut afidavit tersebut juga deraf penghakiman yang baru telah diserahkan oleh peguam perayu kepada peguam responden melalui surat bertarikh 17 Disember 1999. Peguam responden telah meluluskan deraf tersebut dan mengembalikannya kepada peguam perayu pada 23 Disember 1999. Menurut afidavit jawapan kepada notis usul responden yang telah diikrarkan pada 12 Mei 2000 oleh peguam perayu En Gan Seong Kim, pehaknya hanya menerima "approved draft judgment" daripada Tetuan Raghbir Singh Norizan & Co pada 23 Disember 1999 dan telah menghantar salinan deraf penghakiman tersebut kepada Pendaftar Mahkamah Sesyen Melaka untuk diluluskan pada 30 Disember 1999. Malangnya bila perintah termeterai telah diterima daripada Mahkamah Rendah telah tidak dinyatakan dalam afidavit tersebut. Perintah penghakiman termeterai semestinya telah dipulangkan dan diterima oleh perayu dari Pendaftar Mahkamah Sesyen pada bila-bila masa di antara 30 Disember 1999 hingga 14 April 2000 (tarikh rekod rayuan tambahan difailkan). Soalnya bila sebenarnya perintah termeterai tersebut diterima oleh perayu? Mungkin Pendaftar Mahkamah Sesyen telah meluluskan perintah termeterai tersebut dan telah diterima oleh perayu pada 30 Disember 1999 (tarikh deraf perintah dikemukakan kepada pendaftar untuk kelulusan) atau dalam masa seminggu atau sepuluh minggu daripada 30 Disember 1999. Jika ini yang telah berlaku dalam kes ini mahkamah ini tidak dapat menyatakan bahawa perayu telah memfailkan rekod rayuan tambahan sebaik sahaja (atau dalam masa yang munasabah selepas) ia menerima perintah termeterai tersebut daripada Mahkamah Rendah melainkan terdapat sebab-sebab yang benar-benar istimewa menjelaskan kenapa perayu mengambil beberapa minggu lagi sebelum memfailkan rekod rayuan tambahan pada 14 April 2000. Tetapi tiada bukti-bukti yang menunjukkan inilah yang telah berlaku dalam kes ini. Katakan pula perayu telah menerima perintah termeterai dari Mahkamah Rendah dua atau

tiga hari sebelum 14 April 2000. Dalam keadaan sedemikian perayu mungkin dapat meyakinkan mahkamah ini bahawa is telah memfailkan rekod rayuan tambahan *sebaik sahaja* menerima perintah termeterai. Tetapi adalah sukar bagi mahkamah hendak menerima bahawa pendaftar Mahkamah Sesyen telah mengambil masa tiga bulan lebih hanya untuk melulus dan memeteraikan satu perintah penghakiman. Walau bagaimanapun, jika perayu telah mengemukakan bukti melalui afidavitnya bahawa inilah yang sebenarnya telah berlaku, mahkamah ini boleh memutuskan bahawa perayu boleh memfailkan rekod rayuan tambahan tanpa kebenaran. Malangnya bukti sedemikian juga tidak ada untuk dipertimbangkan. Tanpa bukti untuk membuktikan bila perintah penghakiman termeterai diterima oleh perayu daripada Mahkamah Rendah dan tanpa penjelasan daripada perayu mengenai apa tindakan yang telah diambil oleh pihaknya selepas 30 Disember 1999 dan apa yang berlaku selepas tarikh tersebut sehingga 14 April 2000 (tarikh pemfailan rekod rayuan tambahan), mahkamah tidak dapat menimbangkan sama ada perayu telah memfailkan rekod rayuan tambahan sebaik sahaja (atau dalam masa yang munasabah selepas) menerima perintah penghakiman termeterai daripada Mahkamah Rendah. Oleh itu saya memutuskan bahawa perayu gagal membuktikan bahawa dia telah memfailkan rekod rayuan dalam masa yang telah ditetapkan. Ini bererti bahawa pemfailan rekod rayuan tambahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran mahkamah. Barangkali kerana menyedari hakikat inilah perayu telah memfailkan notis usul untuk memohon perlanjutan masa (kandungan 13).

Kedudukan undang-undang mengenai permohonan perlanjutan masa seperti dalam notis usul perayu (kandungan 13) adalah jelas. Untuk berjaya dalam permohonan untuk perlanjutan masa bagi memfailkan rekod rayuan tambahan seperti dalam kandungan 13, perayu hendaklah membuktikan alasan yang mencukupi untuk menjelaskan mengapa terdapat kelewatan untuk memfailkan salinan penghakiman termeterai dan dokumen-dokumen lain yang dipohon untuk dimasukkan ke dalam rekod rayuan tambahan. Dalam kes *Hj Abdul Ghani b Kesah v. Tuan Ahmad bin Tuan Man* [1990] 3 MLJ 45, di ms 48 Lamin H (pada masa itu) menyatakan:

> On the authority of *Gan Hay Chong v. Siow Kian Yuh*, the appellant must show sufficient ground when applying for extension of time. Assuming that the procedure adopted in the present case was correct, the appellant was 21 days out of time. There was no good reason why the appellant's counsel must wait for the appellant to appear before the money could be paid into court. Again I would expect the appellant to give a more detailed explanation as to the nature of his business and how long he had to be away from home. Counsel also admitted that he was under the impression that he had six weeks to file his memorandum of appeal. The mistake of counsel is no excuse. Again, why the further delay in making the present application which was filed on January 15, 1990. In the circumstances, I held that the appellant had not shown sufficient ground to merit granting of his application.

Dalam kes *Punca Klasik Sdn Bhd v. Seok Kim Leow* [1996] 4 CLJ 399, Abdul Malik Ishak J di ms. 408 menyatakan:

> In practice, an application to extend time is generally allowed provided no injustice is caused and the other party can be compensated by costs.
>
> However, there must always be before the court cogent material to satisfactorily explain the delay before the court will exercise its discretion to extend time.

Apakah perayu telah membuktikan alasan yang mencukupi?

Intipati hujah peguam perayu untuk menyokong permohonan untuk perlanjutan masa adalah bahawa dalam kes ini responden selaku plaintif telah berjaya mendapatkan penghakiman dari mahkamah. Oleh kerana responden tidak menyediakan deraf perintah terpaksalah perayu mendapatkan perintah. Menurut peguam perayu pihak yang menang perlu menyediakan deraf perintah. Jika pihak yang menang tidak menyediakannya barulah pihak yang satu lagi mengambil tindakan. Peguam perayu menghujahkan bahawa kelewatan mendapatkan penghakiman dalam kes ini adalah kerana responden sendiri enggan mendapatkan perintah. Setelah perayu mendapatkan perintah, responden tidak patut menimbulkan isu. Untuk menyokong hujahnya peguam perayu telah merujuk kepada kes *In Re Harker Goodbarne v. Fothergill* [1879] 10 Ch D 613.

Dalam hujah balasnya pula peguam responden menghujahkan bahawa affidavit yang menyokong notis usul perayu tidak langsung mengemukakan apa-apa alasan mengapa dokumen penting seperti perintah termeterai mahkamah, tidak dimasukkan ke dalam rekod rayuan. Peguam responden menyoal jika alasan tidak dikemukakan bagaimana mahkamah dapat menjalankan budibicaranya?

Peguam responden juga menghujahkan bahawa memandangkan dalam kes ini keputusannya adalah responden dan perayu masing-masing bertanggungjawab 50% ke atas kemalangan yang berlaku, tiada tanggungjawab bagi pihak responden untuk menyediakan perintah. Dengan merujuk kepada A. 29 k. 10(4) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, peguam responden menghujahkan bahawa kalau pun responden ada tanggungjawab untuk menyediakan deraf perintah, perayu juga boleh menyediakannya jika responden tidak menyediakannya.

Saya berpendapat bahawa keputusan mengenai isu sama ada terdapat alasan yang mencukupi untuk menjelaskan kelewatan memfailkan rekod rayuan tambahan (yang mengandungi perintah termeterai) tidak dapat dipisahkan daripada soal siapa yang mempunyai tanggungjawab untuk menyedia dan memfailkan rekod rayuan.

Alasan yang dikemukakan oleh perayu melalui afidavit En Gan Seong Kim (kandungan 14, peranggan 5) ialah bahawa beliau tidak dapat memasukkan salinan penghakiman termeterai ke dalam rekod rayuan kerana deraf penghakiman masih belum diluluskan oleh pendaftar Mahkamah Sesyen Melaka. Seperti yang telah dinyatakan di bahagian lain dalam penghakiman ini, afidavit yang difailkan bagi pihak perayu tidak menyatakan bila salinan perintah penghakiman termeterai telah diterima oleh perayu daripada Mahkamah Sesyen.

Di bawah A. 49 k. 3A(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, adalah menjadi tanggungjawab perayu untuk menyediakan rekod rayuan yang lengkap dengan mengandungi dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah Aturan tersebut. Di bawah A. 49 k. 3A(3) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 adalah menjadi tanggungjawab perayu untuk memfailkan dua salinan rekod rayuan yang lengkap di Mahkamah Tinggi dalam masa enam minggu dari tarikh penerimaan pemberitahuan daripada mahkamah yang dirayu bahawa salinan yang sah nota-nota keterangan dan alasan penghakiman telah sedia. Perayu telah memfailkan rayuannya pada 19 April 1999. Dalam penghakiman saya adalah menjadi tanggungjawab plaintif sebagai perayu untuk memastikan supaya apa jua tindakan yang perlu dan sewajarnya diambil oleh perayu supaya penghakiman termeterai diperolehi daripada Mahkamah Rendah untuk membolehkan perayu menyediakan dan memfailkan rekod rayuan yang lengkap dalam masa yang ditetapkan di bawah A. 49 k. 3A Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Peguam perayu menghujahkan bahawa responden sebagai pihak yang menang hendaklah menyediakan deraf perintah. Seperti yang telah dihuraikan tadi beban adalah terletak atas perayu untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk dan ke arah mendapatkan penghakiman termeterai. Oleh yang demikian jika pun benar responden sepatutnya menyediakan deraf perintah, ini tidak bererti perayu boleh berdiam diri. Perayu perlu bergerak dan mengambil tindakan. Aturan 29 k. 10(4) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 menyatakan bahawa tiap-tiap perintah yang dikehendaki disediakan mestilah disediakan oleh pihak yang perintah itu telah dibuat dengan memihak kepadanya dan jika pihak itu gagal menyediakan perintah itu dalam masa tujuh hari selepas ia dibuat, maka mana-mana pihak lain yang terlibat dengan perintah itu boleh menyediakannya. Oleh itu dalam kes ini jika responden gagal menyediakan perintah dalam masa tujuh hari daripada masa perintah tersebut dibuat, perayu sebagai pihak yang terlibat dengan perintah itu bukan sahaja boleh, malah mempuyai tanggungjawab untuk menyediakan deraf perintah tersebut. Ini adalah kerana perayu bertanggungjawab menyedia dan memfailkan rekod rayuan. Jika perayu gagal berbuat demikian dan kegagalan ini menyebabkan rekod rayuan yang tidak lengkap seperti yang dikehendaki oleh undang-undang telah difailkan, perayu terpaksalah menanggung padahnya.

Dalam kes ini tiada bukti yang dikemukakan oleh perayu untuk menjelaskan apa tindakan yang telah diambil oleh perayu atau peguamnya selama tujuh bulan selepas penghakiman diberi oleh Mahkamah Sesyen pada 16 April 1999. Selain dari itu seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, tiada bukti dikemukakan oleh perayu untuk menerangkan kepada mahkamah mengenai apa tindakan yang telah diambil oleh mereka selepas deraf perintah dikemukakan kepada pendaftar Mahkamah Sesyen untuk kelulusan pada 30 Disember 1999 sehinggalah tarikh rekod rayuan tambahan difailkan tanpa kebenaran mahkamah pada 14 April 2000. Beban untuk memfailkan rekod rayuan yang lengkap dan dalam masa yang ditetapkan oleh peruntukan-peruntukan di bawah A. 49 k. 3(3A) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 adalah terletak atas perayu. Perintah-perintah di bawah kaedah-kaedah tersebut hendaklah dipatuhi. Sehubungan ini mahkamah telah sering mengingatkan tentang kewajipan mematuhi kaedah-kaedah mahkamah (*Lee Guat Eng v. Tan Lion Kim* [1985] 2 MLJ 196, *Ratnam v. Cumarasamy, & Anor* [1965] 1 MLJ 228, *S Ravi a/l Suppiah v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri* [1995] 2 CLJ 152). Dalam kes *Syarikat Telekom Malaysia Bhd v. Business Chinese Directory Sdn Bhd* [1994] 2 CLJ 729 Eusoff Chin HMA (pada masa itu) menyatakan (di ms 731) bahawa:

> Further, it has been held by the courts that rules of court are to be obeyed. Failure to comply with them will lead to chaos in the conduct of litigation.

Dalam kes *Haji Mohamed bin Suboh v. Devadas* [1981] 1 MLJ 136, Ajaib Singh J dalam penghakimannya di Mahkamah Tinggi (ms 137) telah menyatakan bahawa:

> The rules are there to be followed and they may be relaxed in the interest of justice only if sufficient cause is shown. To what extent will non-compliance with any rule of procedure affect the proceedings must depend on the kind of rule involved. 1 can think of four categories of the rules. First the rules which are minor or technical. Non-compliance with such rules will not vitiate the proceedings. For example failure to give notice of intention to use any affidavit under Order 38 r 20 of the Rules of the Supreme Court may well be considered as a mere irregularity not rendering the proceedings void. In the second category are those rules which prescribe periods of time within which to file and deliver pleadings or other documents in civil proceedings. Extension of time is generally granted in such a case on terms if the granting of the extension does not put the other party to the proceedings at any disadvantage. The third category of rules are those which must be strictly complied with before a person can obtain any relief in court. Order 14 is a good example of this category of rules. The affidavit in support of an application for summary judgment must fulfil strictly the conditions set out in r. 1(a) of Order 14. If the affidavit is deficient for want of compliance with this rule the application for summary judgment will be dismissed unless the position is rectified by a

supplementary affidavit. *Lastly there are the rules which relate to civil appeals from the decisions of the lower courts. These rules prescribe the time within which to file a notice of appeal and the memorandum of appeal and the service thereof and of the appeal record on the respondent to the appeal. These rules must be complied with. In the interest of justice however the court may extend time but only if sufficient ground is shown for the delay. What amounts to sufficient ground will depend on the facts and circumstances of the particular case*. (Emphasis added)

Berbalik kepada fakta-fakta dalam kes ini, dalam pandangan saya adalah tidak memadai bagi peguam perayu hanya menjelaskan dalam afidavitnya (kandungan 14) bahawa beliau tidak dapat memasukkan salinan sah penghakiman dalam rekod rayuan kerana deraf penghakiman masih belum diluluskan oleh pendaftar Mahkamah Sesyen, Melaka. Adalah juga tidak mencukupi bagi peguam perayu hanya membuktikan dalam afidavit yang diikrarkan pada 12 Mei 2000 (perenggan 4 kandungan 26) bahawa mereka "hanya menerima approved draft judgment" dari peguam responden pada 23 Disember 1999, dan telah menghantar salinan deraf penghakiman tersebut kepada pendaftar Mahkamah Sesyen Melaka untuk diluluskan pada 30 Disember 1999. Soalnya bila pendaftar Mahkamah Sesyen Melaka meluluskan dan memeteraikan perintah tersebut dan bila pula diterima oleh perayu? Seperti yang telah dihuraikan sebelum ini, persoalan-persoalan penting ini tidak dijawab dan bukti-bukti yang dapat memberikan penjelasan-penjelasan mengenai dan yang berkaitan dengannya telah tidak dikemukakan oleh perayu. Saya memutuskan bahawa perayu telah gagal untuk mengemukakan alasan yang mencukupi untuk menjelaskan kelewatannya.

Mengenai dokumen-dokumen lain yang hendak dimasukkan dalam rekod rayuan tambahan, alasan yang diberikan oleh perayu di perenggan 6 affidavit En Gan Seong Kim (kandungan 14) adalah seperti berikut:

Setelah menyemak semua Rekod Rayuan yang difailkan saya telah mendapati bahawa ada tiga ikatan dokumen yang dilampirkan dalam perbicaraan kes ini di Mahkamah Sesyen Melaka serta lapuran pakar bertarikh 27.8.97 oleh Professor C.T. Tan tidak termasuk dalam rekod rayuan tersebut.

Rekod rayuan hendaklah disemak oleh peguam sebelum difailkan untuk memastikan ianya teratur dan lengkap seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Menyemak rekod tersebut selepas ianya difailkan adalah tidak memadai. Saya berpendapat mengenai dokumen-dokumen ini juga mahkamah mendapati tidak ada alasan yang mencukupi dikemukakan oleh perayu. Kesilapan pihak peguam perayu bukanlah alasan yang baik untuk dipertimbangkan oleh mahkamah dalam menjalankan budibicaranya untuk membenarkan perlanjutan masa kepada perayu.

Atas alasan-alasan yang telah dinyatakan mahkamah ini menolak dengan kos permohonan perayu dalam notis usul yang dikemukakan dalam kandungan 13.

Permohonan Responden Dalam Kandungan 18

Melalui notis usul (kandungan 18) responden memohon kepada mahkamah untuk menolak rekod rayuan perayu yang telah difailkan pada 13 Disember 1999 atas alasan ianya tidak lengkap dan tidak teratur. Sebagai persediaan pada 14 April 2000 responden telah menghantar surat kepada perayu bahawa mereka akan menimbulkan bantahan awal tentang rekod rayuan yang didakwa oleh responden sebagai telah berada di hadapan mahkamah dengan tidak teratur. Hasrat ini diteruskan oleh responden dengan memastikan permohonan dalam notis usul (kandungan 18). Dalam permohonan ini responden memohon antara lain perintah-perintah berikut:

i) rekod rayuan asal yang difailkan oleh peguam perayu/defendan ditolak kerana rekod tersebut tidak lengkap dan tidak teratur;

ii) rekod rayuan tambahan yang difailkan oleh peguam perayu/defendan di mahkamah ini pada 14 April 2000 dan diserahkan kepada peguam responden pada 14 April 2000 tanpa kebenaran mahkamah ini ditolak;

iii) rayuan perayu dibuang dengan kos;

iv) responden dibenarkan meneruskan rayuan balasnya pada tarikh bicara rayuan yang akan datang dan diberi kebenaran memfailkan satu rekod rayuan responden dalam jangkamasa dua minggu dari tarikh perintah ini atau dalam mana-mana jangkamasa yang ditetapkan oleh mahkamah.

Oleh kerana permohonan perayu dalam notis usul (kandungan 13) telah ditolak, permohonan di perenggan (ii) menjadi akademik. Seperti yang dijelaskan di perenggan 7 dalam afidavit En Raghbir Singh yang diikrarkan pada 26 Januari 2000 (kandungan 19) responden mendakwa bahawa rekod rayuan yang telah difailkan oleh perayu adalah tidak lengkap kerana ianya tidak mengandungi salinan termeterai penghakiman Mahkamah Sesyen. Berdasarkan kepada kes *Capital Insurance* dan juga kes *Alor Janggus Soon Seng Trading Sdn Bhd & 5 Ors v. Sey Hoe Sdn Bhd & 2 Ors* [2000] 2 CLJ 473 yang telah dirujuk dalam penghakiman ini mahkamah memutuskan bahawa tanpa penghakiman termeterai, rekod rayuan yang telah difailkan oleh perayu adalah tidak lengkap dan teratur. Permohonan untuk melanjutkan masa bagi memasukkan rekod rayuan tambahan yang mengandungi salinan penghakiman termeterai melalui notis usulnya (kandungan 13) telah pun ditolak oleh mahkamah. Dengan itu saya memutuskan bahawa tiada terdapat rekod rayuan yang sewajarnya dihadapan mahkamah dalam kes ini. Oleh yang demikian mahkamah telah membuat perintah-perintah berikut:

(i) Rekod rayuan asal yang difailkan oleh peguam perayu ditolak kerana tidak teratur dan tidak lengkap;

(ii) Rekod rayuan tambahan yang difailkan oleh perayu pada 14 April 2000 ditolak;

(iii) Rayuan perayu dibatalkan (struck off);

(iv) Responden dibenarkan meneruskan rayuan balasnya pada tarikh rayuan yang akan datang dan diberi kebenaran untuk memfailkan satu rekod rayuan dalam masa dua minggu dari tarikh perintah ini;

(v) Kos permohonan ini ditanggung oleh perayu (kos bagi seorang peguam sahaja dibenarkan).